SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

## Bil. 11 / 2023

### PEMBUBARAN DEWAN UNDANGAN NEGERI/ DEWAN UNDANGAN/ DEWAN NEGERI KE-14 BAGI NEGERI KEDAH, KELANTAN, TERENGGANU, PULAU PINANG, SELANGOR DAN NEGERI SEMBILAN

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin memaklumkan bahawa SPR telah menerima **notis pembubaran rasmi Dewan Undangan Negeri/Dewan Undangan/Dewan Negeri Yang Ke-14 bagi negeri Kedah, Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan** daripada YB Speaker DUN/DU/DN masing-masing.

2. Sehubungan itu, SPR akan mengadakan satu **Mesyuarat Khas** pada **5 Julai 2023 (Rabu).** Mesyuarat Khas tersebut akan dipengerusikan oleh **YBhg. Tan Sri Abdul Ghani Salleh, Pengerusi SPR** yang akan membincangkan tarikh-tarikh penting PRU DUN Ke-15 seperti tarikh *Writ* Pilihan Raya, Hari Penamaan Calon, Hari Pengundian, Daftar Pemilih yang akan digunakan dan lain-lain persiapan bagi melaksanakan pilihan raya tersebut.

3. Satu sidang media akan diadakan sejurus selepas Mesyuarat Khas tersebut.

Sekian.

**DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK**
Setiausaha
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia
3 Julai 2023 / 14 Zulhijah 1444H